

s.a.w. menjawab; “Kadang-kadang ia datang kepadaku seperti gemercing loceng, itulah (cara kedatangan wahyu) yang paling berat bagiku.”¹³ Kedatangan wahyu selesai dalam

selesai. Itulah (cara kedatangan malaikat) yang paling berat bagiku. Malaikat itu kadang-kadang menjelma sebagai seorang lelaki, lalu dia bercakap-cakap denganku dan aku pula mengingat apa yang diucapkannya. Maka bunyi seperti gemercing loceng itu sepatutnya tidak dianggap sebagai wahyu itu sendiri atau suara Allah, walaupun yang tidak menyerupai mana-mana suara makhluk. Apa yang kedengaran kepada Rasulullah s.a.w. itu sebenarnya tidak lebih daripada bunyi kedatangan Jibra’il sahaja.

¹³ **Cara Penyampaian Dan Penerimaan Wahyu.** Al-Halimi (Abu ‘Abdillah a-Husain bin al-Hasan bin Muhammad bin Halim. Seorang faqih Syafi’i. m.403H) menyebutkan bahawa wahyu yang diterima Rasulullah s.a.w. itu datangnya dalam empat puluh enam bentuk semuanya. Demikianlah nukil Hafiz Ibnu Hajar. Hafiz Ibnu Hajar kemudiannya mengulas dengan berkata: “Kebanyakan yang disebut al-Halimi itu adalah berkenaan dengan sifat-sifat pembawa wahyu.” Menurut as-Suhaili (Abu al-Qasim ‘Abdur Rahman bin ‘Abdillah m.581H), penurunan atau penyampaian wahyu kepada Nabi s.a.w. berlaku menerusi tujuh cara berikut: (1) الوحي المنامي iaitu wahyu yang datang di dalam mimpi Nabi s.a.w. Kata-kata ‘Aaishah bahawa: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْوَحْيِ الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ فِي النَّوْمِ (Wahyu yang mula-mula diberikan kepada Rasulullah ialah berupa mimpi yang baik) di permulaan hadits ketiga nanti adalah salah satu contohnya. Wahyu seperti ini tidak khusus dengan nabi kita Muhammad s.a.w. sahaja, nabi-nabi yang lain juga mengalaminya. Antaranya ialah apa yang diceritakan oleh Allah tentang Nabi Ibrahim a.s. di dalam firmanNya ini:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤُ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْحُكَ فَانْظُرْ مَاذَا تَرَى ۚ قَالَ يَتَأْتٍ أَفْعَلُ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

Bermaksud: Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, dia (Nabi Ibrahim a.s.) berkata: “Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?”. Anaknya menjawab: “Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya Allah, ayah akan mendapati daku termasuk orang-orang yang sabar”. (as-Shaaffaat:102). Dua dalil ini menunjukkan para nabi a.s. itu mendapat wahyu berupa mimpi ketika tidur sama seperti mereka menerimanya pada ketika jaga. (2) النفث في الروح, iaitu wahyu yang ditiupkan ke dalam ruh atau jiwa Nabi s.a.w. Antara dalilnya ialah sabda Rasulullah s.a.w. ini: إِنَّ رُوحَ الْقُدُسِ نَفَثَ فِي رُوعِي أَنْ نَفْسًا لَنْ تَمُوتَ حَتَّى تَسْتَكْمَلَ أَجَلَهَا وَتَسْتَوْعِبَ رِزْقَهَا فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الطَّلَبِ وَلَا يَحْمِلُنْ أَحَدُكُمْ اسْتِبْطَاءَ الرِّزْقِ أَنْ يَطْلِبَهُ بِمَعْصِيَةِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يَنْالُ مَا عِنْدَهُ إِلَّا بِطَاعَتِهِ Bermaksud: Sesungguhnya Ruh al-Qudus telah meniup (mencampak) ke dalam jiwaku bahawa seseorang manusia tidak akan mati sebelum sampai ajalnya dan sebelum ia menghabiskan rezekinya. Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah dan mintalah dengan baik. Janganlah sekali-kali kelambatan datangnya rezeki, mendorong seseorang daripada kamu menuntutnya dengan cara melakukan ma’shiat. Kerana sesungguhnya apa yang ada pada Allah itu tidak dapat diperolehi melainkan dengan ta’at kepadaNya. (Hadits sahih riwayat Abu Nu’aim di dalam al-Hilyah, al-Qudha’i di dalam Musnad asy-Syihab, al-Bazzaar, Ibnu Abi Syaibah dan Baihaqi di dalam Syu’ab al-Iman). Kebanyakan ahli Tafsir mentafsirkan perkataan وَحْيًا di dalam ayat 51 Surah as-Syura ini: وَمَا كَانَ

iaitu wahyu yang datang dalam bentuk bunyi seperti gemercing loceng atau seperti bunyi rantai besi yang dihentakkan di atas kepingan besi yang lain. (penjelasan tentangnya akan diberikan nanti). (4) Malaikat Jibril menyampaikan wahyu dengan datang kepada Rasulullah s.a.w. dalam rupa manusia. Selalunya ia datang dalam rupa Dihyah bin Khalifah r.a. Dihyah adalah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang sangat cantik. Rupanya mirip rupa Baginda s.a.w. Ketika berjalan Dihyah selalu memakai tudung muka, kerana takut wanita-wanita akan tergoda dengannya. Diriwayatkan, kalau dia datang ke Madinah orang-orang perempuan pasti hendak melihatnya lantaran kecantikannya yang luar biasa. Ibnu Sallaam ketika mentafsirkan firman Allah di dalam Surah al-Jumu'ah:

وَإِذَا رَأَوْا تِجْرَةً أَوْ لَهْوًا أَنْفَضُوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا قُلْ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ اللَّهْوِ وَمِنَ التِّجَرَةِ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ :

Bermaksud: dan apabila mereka melihat kedatangan barang-barang dagangan (yang baharu tiba) atau hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri (berkhutbah). Katakanlah: (Wahai Muhammad, pahala / balasan) “Yang ada di sisi Allah, lebih baik dari hiburan dan barang-barang dagangan itu; dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki.” (al-Jumu'ah:11), berkata: “Maksud hiburan yang tersebut di dalam ayat ini ialah dapat melihat wajah Dihyah yang sangat cantik itu.” (5) Malaikat Jibril membawa wahyu kepada Rasulullah s.a.w. dalam rupa asalnya. Ia mempunyai enam ratus sayap yang memancarkan sinar bagaikan mutiara dan permata delima. (6) *من وراء حجاب* iaitu wahyu berupa percakapan Allah s.w.t. secara langsung dengan Nabi s.a.w. dari balik ‘tabir’ tanpa perantaraan Jibril, sama ada ketika jaga atau ketika tidur. Keadaannya sama seperti percakapan secara langsung yang pernah berlaku di antara Nabi Musa a.s. dengan Allah s.w.t. Menurut sesetengah ‘ulama’, ia dialami oleh Rasulullah s.a.w. sebanyak tiga kali sahaja di sepanjang hayat Baginda. Menurut sesetengah yang lain pula ia dialami Baginda s.a.w. hanya sebanyak dua kali sahaja. Salah satu daripadanya ialah yang telah berlaku pada malam Mi'raj. Dalam peristiwa ini ia berlaku kepada Baginda s.a.w. dalam keadaan jaga. Contoh wahyu bentuk ini yang telah berlaku kepada Rasulullah s.a.w. semasa tidur pula ialah hadits berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ هَانِيٍّ أَبُو هَانِيٍّ الْيَشْكُرِيُّ حَدَّثَنَا جُهْضَمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ سَلَامٍ عَنْ أَبِي سَلَامٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَائِشٍ الْخَضْرَمِيِّ أَنَّهُ حَدَّثَهُ عَنْ مَالِكِ بْنِ يَخِيمٍ السَّكْسَكِيِّ عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ اخْتَبَسَ عَنَّا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ غَدَاةٍ عَنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ حَتَّى كُنَّا نَتَرَاءَى عَيْنَ الشَّمْسِ فَخَرَجَ سَرِيعًا فَتَوَبَّ بِالصَّلَاةِ فَصَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَجَوَّزَ فِي صَلَاتِهِ فَلَمَّا سَلَّمَ دَعَا بِصَوْتِهِ فَقَالَ لَنَا عَلَى مَصَافِكُمْ كَمَا أَنْتُمْ ثُمَّ انْقَلَبَ إِلَيْنَا ثُمَّ قَالَ أَمَا إِنِّي سَأُحَدِّثُكُمْ مَا حَبَسَنِي عَنْكُمْ الْغَدَاةَ أَنِّي قُمْتُ مِنَ اللَّيْلِ فَتَوَضَّأْتُ وَصَلَّيْتُ مَا قُدِّرَ لِي فَنَعَسْتُ فِي صَلَاتِي فَاسْتَنْقَلْتُ فَإِذَا أَنَا بِرَبِّي تَبَارَكَ وَتَعَالَى فِي أَحْسَنِ صُورَةٍ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ قُلْتُ لِنَبِيِّكَ رَبِّ قَالَ فِيمَ يَخْتَصِمُ الْمَلَأُ الْأَعْلَى قُلْتُ لَا أَدْرِي رَبِّ قَالَهَا ثَلَاثًا قَالَ فَرَأَيْتَهُ وَضَعُ كَفَّهُ بَيْنَ كَتِفَيْ حَتَّى وَجَدْتُ بَرْدَ أَنَامِلِهِ بَيْنَ تَضَيُّي فَتَجَلَّى لِي كُلُّ شَيْءٍ وَعَرَفْتُ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ قُلْتُ لِنَبِيِّكَ رَبِّ قَالَ فِيمَ يَخْتَصِمُ الْمَلَأُ الْأَعْلَى قُلْتُ فِي الْكُفَرَاتِ قَالَ مَا هُنَّ قُلْتُ مَشَى الْأَقْدَامُ إِلَى الْجَمَاعَاتِ وَالْجُلُوسِ فِي الْمَسَاجِدِ بَعْدَ الصَّلَوَاتِ وَإِسْبَاحِ الْوُضُوءِ فِي الْمَكْرُوهَاتِ قَالَ ثُمَّ فِيمَ قُلْتُ إِطْعَامُ الطَّعَامِ وَلَيْلُ الْكَلَامِ وَالصَّلَاةُ بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ قَالَ سَلِّ قُلِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ وَحُبَّ الْمَسَاكِينِ وَأَنْ تَغْفِرَ لِي وَتَرْحَمَنِي وَإِذَا أَرَدْتُ فِتْنَةً قَوْمٍ فَتَوَفَّنِي غَيْرَ مُفْتُونٍ أَسْأَلُكَ خَبْرَكَ وَحُبَّ مَنْ يُحِبُّكَ وَحُبَّ عَمَلٍ يُقَرِّبُ إِلَى خَبْرِكَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّهَا حَقٌّ فَأَدْرُسُهَا ثُمَّ تَعَلَّمُوهَا

Bermaksud: Mu'aaz bin Jabal meriwayatkan, katanya: “Pada suatu pagi Rasulullah s.a.w. terlambat keluar bersembahyang Subuh bersama kami, sehingga matahari hampir terbit. Tiba-tiba Rasulullah s.a.w. keluar dengan tergesa-gesa. Setelah iqamat, Baginda s.a.w. bersembahyang dengan ringkas. Sesudah memberi salam, Rasulullah s.a.w. berkata: “Terus duduklah kamu di tempat masing-masing.” Kemudian menghadap ke arah kami lalu bersabda: “Ketahuilah,

sesungguhnya aku akan menceritakan kepadamu tentang sebab aku terlambat keluar untuk bersembahyang bersamamu pagi ini. Sebabnya ialah malam tadi aku bangun lalu berwudhu' dan bersembahyang (beberapa raka'at) menurut kemampuanku. Selepas itu aku berasa mengantuk dan berat mata ketika sedang bersembahyang. Tiba-tiba aku berhadapan dengan Tuhanku yang Maha Berkat dan Maha Tinggi dalam secantik-cantik rupa. Tuhanku berfirman: "Wahai Muhammad!". Aku menjawab: "Ku sambut seruanMu oh Tuhanku! Dia bertanya (aku): "Tentang apakah para malaikat di alam tinggi itu sedang berbicara? Aku menjawab: "Aku tidak tahu Tuhanku." Dia bertanya aku tiga kali. Kata Rasulullah s.a.w.: "Lalu aku melihat Dia meletakkan tapak tanganNya di antara dua belikatku sehingga aku merasai kesejukan jari-jemariNya di antara dua tetekku. Maka tersingkaplah kepadaku segala sesuatu dan mengetahuilah aku. Tuhanku bertanya pula: "Tentang apakah para malaikat di alam tinggi itu sedang berbicara? Ku jawab soalan itu dengan berkata: "Tentang kaffaraat (beberapa amalan yang menghapuskan dosa)." Tuhan bertanya lagi: "Apa dia kaffaraat itu?" Aku menjawab: "Berjalan kaki untuk pergi bersembahyang jama'ah, duduk di masjid selepas bershalat dan menyempurnakan wudhu' dalam keadaan-keadaan yang tidak menyenangkan. Tuhan bertanya lagi: "Kemudian tentang apa?" Aku menjawab: "Memberi makan makanan (kepada orang-orang yang susah), berbudi bahasa dan bersembahyang di waktu malam ketika orang-orang sedang tidur. Kata Tuhanku: " Mintalah, ucapkanlah: "Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu agar dapat melakukan kebaikan-kebaikan, dapat meninggalkan segala kemungkaran, menyintai orang-orang miskin dan Engkau mengampuniku serta mengasihaniiku. Jika Engkau menghendaki fitnah kepada sesuatu kaum, maka ambillah daku dalam keadaan tidak terfitnah. Aku memohon kepadaMu agar menyintaiMu dan menyintai orang yang menyintaiMu di samping menyintai perbuatan yang dapat mendekatkan daku kepada cintaMu. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya ini adalah benar. Maka bacalah dan pelajarilah (maksud-maksudnya)." (Hadits riwayat at-Tirmizi. Tirmizi mengatakan hadits ini hasan sahih. Beliau bertanya gurunya Imam Bukhari tentangnya, Bukhari juga mengatakan hadits ini sahih). Selain Tirmizi, hadits ini diriwayatkan juga oleh tokoh-tokoh hadits yang lain dengan sedikit perbedaan pada lafaznya daripada beberapa orang sahabat selain Mu'az. Antara tokoh hadits yang telah meriwayatkannya ialah Ahmad, at-Thabaraani, al-Bazzaar, Abu Ya'la, al-Haakim, Ibnu Mardawaih, al-Baihaqi dan lain-lain: (7) وحى إسماعيل iaitu wahyu yang disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. oleh malaikat Israfil bukan Jibra'il. Menurut para 'ulama' ia telah berlaku antaranya ketika fatratu al-wahyi (Jibra'il beberapa ketika tidak datang membawa wahyu kepada Baginda s.a.w). **Bentuk-bentuk penyampaian wahyu** yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits yang diriwayatkan oleh al-Haarits Bin Hisyaam r.a. di atas sebenarnya telah merangkumi ketujuh-tujuh bentuk yang disimpulkan oleh as-Suhaili tersebut. Contohnya ialah Nabi s.a.w. dikunjungi malaikat dalam rupa manusia. Ia boleh jadi Jibra'il ataupun Israfil. Ia juga boleh jadi dalam mimpi ataupun sewaktu jaga. Selain itu, hadits al-Haarits bin Hisyaam di atas sekadar menceritakan bentuk-bentuk penyampaian wahyu yang biasa berlaku kepada Rasulullah s.a.w. sahaja atau ia menceritakan tentang bentuk yang tidak dikongsi oleh orang-orang lain yang bukan merupakan para nabi. Bentuk kelima dan keenam misalnya bukan biasa. Ia berlaku hanya dua kali sahaja kepada Rasulullah s.a.w. Bentuk pertama dan kedua pula pada zahirnya bukan khusus untuk para nabi sahaja. Ia juga dialami oleh auliya' Allah atau orang-orang biasa sekalipun. Dalil yang paling lengkap dan mencakupi semua bentuk penyampaian dan penerimaan wahyu ialah firman Allah di dalam Surah as-Syura ini:

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكَلِّمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِنْ وَرَآئِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بِإِذْنِهِ مَا يَشَاءُ إِنَّهُ عَلَىٰ حَكِيمٍ

Bermaksud: Dan tidak mungkin bagi seseorang manusia bahwa Allah berkata-kata dengannya kecuali dengan perantaraan wahyu (dengan diberi ilham atau mimpi), atau dari belakang tabir (dengan mendengar sahaja kalam Ilahi tanpa melihatNya), atau dengan mengutus utusan (malaikat) lalu utusan itu menyampaikan wahyu kepadanya dengan izin Allah akan apa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Dia (Allah) Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana. (As-Syura:51).

صلصلة الجرس ialah bunyi seperti gemercing loceng atau bunyi seperti rantai besi yang dihentakkan berterusan di atas kepingan besi yang lain. Sebelum melanjutkan perbincangan tentang suara atau bunyi seperti gemercing loceng, kita semua harus ingat bahawa tafsiran sesetengah 'ulama' tentang suara loceng tersebut adalah suara Allah s.w.t, bukan bererti mereka menerima konsep 'Tajsim' iaitu mempercayai Allah berjisim dan menyerupai makhluk, apatah lagi menyifatkan suaraNya seperti bunyi gemercing loceng. Sebaliknya ia merupakan suatu ibarat daripada Nabi s.a.w. yang menggambarkan bentuk datangnya wahyu tersebut. Bentuk datang wahyu dengan bunyian sebegini disifatkan oleh Nabi s.a.w di dalam hadits riwayat al-Haarits bin Hisyaam di atas sebagai bentuk yang paling berat kepada Baginda s.a.w. **صلصلة الجرس** iaitu bunyi gemercing loceng telah ditafsirkan dengan berbagai-bagai pendapat oleh para 'ulama'. Antara lainnya ialah: (1) Gemercing loceng yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. tersebut bukanlah benar-benar seperti suara loceng, sebaliknya ia merupakan suatu kiasan kepada suara atau nada yang tidak mampu difahami pengertian di sebaliknya oleh 'aqal manusia biasa sama seperti dentingan loceng yang tidak membawa apa-apa ma'na. Tetapi pengertian di sebaliknya mampu difahami oleh individu-individu yang diberikan keistimewaan tertentu seperti para nabi dan malaikat-malaikat tertentu. Setelah memahaminya mereka akan mengolahnya dalam bahasa masing-masing. (2) Gemercing loceng yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. bukanlah wahyu itu sendiri, sebaliknya ia merupakan alamat atau tanda untuk menarik perhatian sebelum kedatangan wahyu. Gambaran yang paling mudah untuk memahaminya ialah suara deringan telefon yang berbunyi sebelum gagangnya diangkat. Perbualan sebenar hanya berlaku selepas deringan tersebut. Hal itu disifatkan oleh Nabi s.a.w. sebagai sama seperti suara gemercing loceng. Antara tokoh yang berpendapat begini ialah Syeikhul Islam Pakistan Maulana Syabbir Ahmad 'Utsmaani. Tetapi pendapat ini disangkal oleh 'ulama'-ulama' yang berpendapat bahawa suara tersebut sebenarnya adalah kandungan wahyu itu sendiri. Kerana menurut mereka Nabi s.a.w. telah menggambarkan bahawa bunyian tersebut sebagai bentuk yang paling berat diterima Baginda, jadi kalaulah ia bukannya kandungan wahyu, kenapakah ia turut mengandungi sesuatu yang berat?! (3) Gemercing loceng yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. adalah suara Jibril a.s. Nabi s.a.w. mendengarnya dalam suatu bahasa yang hanya mampu Baginda sifatkan sebagai suara loceng. Namun Baginda dapat mengingat dan memahaminya dengan baik di samping dapat pula mengolahnya dalam bahasa Baginda sendiri. Suara ataupun bentuk fizikal Jibril hanya mampu didengar dan dilihat oleh para nabi a.s. sahaja, pancaindera manusia biasa di dunia ini tidak akan tertanggung menerima impaknya. (4) Gemercing loceng yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. di dalam hadits ini adalah suara derapan sayap-sayap Jibril a.s. atau bunyi yang terhasil daripada kedatangan Jibril a.s. Di dalam sebuah hadits, Nabi s.a.w. pernah menggambarkan rupa asal Jibril a.s. yang pernah dilihat Baginda. Ia adalah malaikat yang mempunyai enam ratus sayap. Dan setiap sayapnya bagai bertatahkan permata-permata yang bergemerlapan. Jadi setiap kali Jibril